

## Warga Bangladesh jadi jutawan barang ciplak!

IZWAN ROZLIN | | 15 Oktober 2019



Pegawai penguat kuasa KPDNHEP merampas pakaian tiruan yang dijual di Kenanga Wholesale City di sini hari ini.

AA

**KUALA LUMPUR** - Siapa sangka warga Bangladesh di Malaysia boleh hidup mewah dengan berpendapatan bersih RM100,000 sebulan dengan menjadi pemborong baju dan seluar ciplak jenama terkemuka.

Lebih memeranjatkan apabila kualiti barangan ciplak yang dijual hampir 90 peratus menyamai produk tulen hingga menyukarkan pihak berkuasa membezakannya.

Itu antara taktik licik warga Bangladesh yang mulanya hanya berhijrah ke negara ini dan bekerja sebagai buruh kasar dengan pendapatan kurang RM1,000 sebulan.

Kebanyakan mereka kini bertukar profesion menjadi tauke dan ada di antaranya bergelar jutawan menjual barang cetak rompak di ibu negara.

Perkara itu terbongkar selepas sepasukan pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Putrajaya dan Selangor menyerbu empat premis perniagaan di Kenanga Wholesale City, di sini hari ini.



**Antara pakaian ciplak yang dirampas selepas dikesan dijual pemborong warga Bangladesh.**

Timbalan Pengarah Penguat Kuasa Cawangan Operasi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Rosli Ahmad, berkata, operasi membabitkan 28 pegawai KPDNHEP yang bertindak melakukan penyamaran sebelum serbuan dilakukan.

Menurutnya, hasil dari pemeriksaan dilakukan, pihaknya mendapati beberapa premis perniagaan di kawasan itu dimiliki warga asing Bangladesh.

"Mereka dikesan berniaga pakaian jenama terkemuka tiruan yang dipercayai diseludup dari luar negara dalam kuantiti besar.

"Kami berjaya merampas pakaian jenama Levi's membabitkan pelbagai saiz, bentuk dan warna. Kebanyakannya meniru rekaan dan potongan produk tulen menggunakan fabrik berkualiti," katanya.

Menurutnya, semua 2,980 pakaian dirampas dan disita itu dianggarkan bernilai lebih RM104,000.

"Kes akan disiasat mengikut Seksyen 8, Akta Perihal Dagangan 2011 kerana disyaki mendedah, membekal dan menyimpan barangan yang menggunakan cap dagang palsu," katanya.

**Artikel Penuh : <https://www.sinarharian.com.my/article/52241/EDISI/Selangor-KL/Warga-Bangladesh-jadi-jutawan-barang-ciplak!>**

**© 2018 Hakcipta Terpelihara Kumpulan Karangraf**